

KHATIB DAN KHUTBAH JUMAAT

Soal “khatib dan khutbah Jumaat” ini telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh al-Fāḍil Kiyai Haji Munawir Khalil. Dalam karangannya ini, yang kami ambil inti sarinya, dapat ditatap huraianya al-Ustāz Ahmad ‘Ali al-Jurjāwī (Mesir), dan al-Sayyid Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (Damsyiq), tentang tugas khatib di masjid dan bentuk khutbah Jumaat yang sesuai dan meliputi hikmah dan tujuannya - P.Q.

Segala Pekerjaan, Wajib dengan Syarat

Orang yang berfikiran sihat tentu mengiringi bahawa tiap-tiap pekerjaan itu wajib disediakan lebih dahulu bahan-bahannya atau syarat-syaratnya kerana, kalau sesuatu pekerjaan yang tidak cukup persediaan syaratnya tentulah tidak akan beres dan sempurna. Lebih-lebih lagi orang yang diserahkan kepadanya sesuatu jawatan yang tertentu, misalnya jawatan khatib.

Oleh sebab itu, maka orang yang demikian, hendaklah ia mempunyai perasaan yang bersih murni, merasa bahawa syarat-syarat menunaikan tugas-tugas itu telah sedia cukup pada dirinya, dan penuh bertanggungjawab atas keberesan pekerjaan itu. Kalau ia belum cukup syarat lalu menyanggup mengerjakannya maka ia telah termasuk dalam lingkungan orang-orang yang menganiaya diri sendiri, merosakkan pekerjaannya, dan akibatnya akan merugikan pula orang lain dan masyarakat umumnya.

Sayugia disebut, Islam telah menerangkan dengan tegas jelas bahawa: “Apabila sesuatu urusan itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah hancur binasanya”.

Panduan Islam yang sangat penting ini, mustahak diperhatikan oleh tiap-tiap orang muslim. Jangan

sekali-kali dipandang urusan kecil, tentang menyerahkan sesuatu urusan kepada orang yang bukan ahlinya.

Kalau panduan Islam ini tidak diambil berat, tentulah segala urusan akan menjadi kucar kacir dan rosak binasa.

Tugas Khatib Masjid

Khatib yang berkhotbah Jumaat, pada tiap-tiap hari Jumaat di masjid, sayugialah diingat bahawa pembawa syariatī (Nabi Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam*) telah menetapkan adanya ‘khutbah’ sebelum sembahyang Jumaat itu ialah bagi memberi peringatan kepada kaum musimin tentang segala perkara yang bersangkutan paut dengan masalah mereka, baik yang mengenai dunia ataupun akhirat. Mereka berkumpul di situ pada tiap-tiap Jumaat sekali, ialah bagi membereskan hal keadaan mereka dalam urusan dunia dan agama, supaya mereka masing-masing menjadi orang-orang yang penuh keyakinan - dalam agama - dan menjadi golongan “ashāb al-yamīn”, golongan kaum kanan, yang berbahagia di dunia dan di akhirat. Demikianlah kata al-Ustāz Ahmad ‘Ali al-Jurjāwī dalam kitabnya “*Hikmah al-Tashri‘ wa Falsafatuhu*”.

Lebih lanjut al-Shaykh Ahmad ‘Ali al-Jurjāwī berkata lagi” Seseorang khatib dalam zaman permulaan Islam, - berdiri di atas mimbar - berkhotbah - mengupas

penyakit yang sedang membencanai kaum muslimin yang terjadi pada masa itu juga, dan memberikan surah ubatnya untuk menyembuhkan penyakit itu. Misalnya: Apabila kaum muslimin sedang menghadapi 'jihad' bagi mempertahankan kemuliaan Islam dan kehormatan kaum muslimin: Khatib itu pada hari itu juga menjelaskan kepentingan jihad dalam Islam dan membentangkan keutamaan-keutamaan orang yang berjihad. Apabila dalam sesebuah bandar orang-orang Islam timbul kekacauan dan huru-hara yang akan mengganggu keamanan mereka, maka pada tiap-tiap hari Jumaat, khatib-khatib berkhotbah dengan khutbah yang berisi keterangan dan panduan supaya mereka bergerak serentak menghapuskan gangguan dan kekacauan itu. Demikianlah seterusnya, khatib-khatib berkhotbah pada tiap-tiap hari Jumaat dengan mengingat keadaan masa dan tempatnya masing-masing, dan menyesuaikan pula akan peristiwa yang sedang atau yang akan terjadi dalam masyarakat.

Dalam pada itu, khatib, dalam memberikan penjelasan sesuatu perkara itu tidak melupakan pertunjuk dari Quran dan Sunnah, untuk kebaikan dan kemajuan urusan dunia dan urusan akhirat. Inilah hikmah khutbah Jumaat itu diadakan, dan inilah gunanya. Oleh yang demikian, adakah kita masing-masing (khatib-khatib zaman sekarang) mengerjakan hikmah yang sangat penting itu?

Antara lain pula, al-Sayyid Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam kitabnya "*Islāh al-Masājid*", menjelaskan kepentingan khatib Jumaat dan kewajiban khatib, katanya: Sebahagian alim ulama Islam berkata: "Seelok-eloknya khutbah itu ialah yang sesuai dengan keadaan dan masa, tempat dan suasana. Misalnya: Berkhotbah pada bulan puasa, khatib hendaklah menerangkan kepada orang ramai tentang hikmah-hikmah dan hukum-hukum puasa serta tujuannya; dan berkewajiban pula menjelaskan tentang larangan-larangan atau bidaah-bidaah agama yang

terjadi dalam bulan puasa. Apabila hampir tiba hari raya Aidilfitri, maka hendaklah ia menjelaskan di dalam khutbahnya perihal yang berkenaan dengan zakat fitrah dan hikmah-hikmahnya; demikian juga apabila hampir tiba hari raya Aidiladha, hendaklah ia menjelaskan hukum-hukum dan hikmah berkorban dan segala tujuan yang terkandung di dalamnya, supaya orang ramai jangan meringan-ringankan perkara korban.

Kalau khatib berkhotbah di suatu tempat atau di sebuah bandar yang penduduknya - sebahagian besar - sedang ditimpa oleh penyakit pecah belah, maka ia berkewajiban berkhotbah dengan khutbah yang berisi anjuran dan panduan ke arah persatuan dan perpaduan. Kalau sebahagian penduduknya malas menuntut ilmu, maka ia berkewajiban berkhotbah dengan khutbah yang berisi anjuran dan panduan supaya mereka menuntut ilmu pengetahuan.

Demikian pula, kalau keadaan sebahagian besar penduduknya sedang membiarkan urusan pendidikan anak-anak mereka masing-masing, maka ia berkewajiban berkhotbah dengan khutbah yang berisi keterangan agama mengenai perkara pendidikan, supaya orang ramai sedar akan kepentingan soal pendidikan. Begitu juga kalau sebahagian penduduknya malas mencari, maka ia berkewajiban berkhotbah dengan khutbah yang berisi keterangan agama yang menggalakkan supaya orang ramai berusaha dengan bersungguh-sungguh mencari sara hidup.

Demikianlah seterusnya, tentang segala perkara yang memang dihajati oleh penduduk di tempat itu, dan yang sesuai dengan keadaan yang sedang terjadi di tempat itu, supaya segenap masyarakat insaf dan ingat akan kewajiban masing-masing, dan mengerti pula akan kepentingan perintah-perintah agama satu persatu. Dengan cara yang tersebut, sekalian penduduk pada tiap-tiap Jumaat mendapat panduan, baik yang berupa larangan ataupun yang berupa peringatan dan pertunjuk dengan perantaraan khatib. Kata al-Sayyid Jamāl al-Dīn al-Qāsimī lagi.